



**PANDUAN PEPERIKSAAN
MEMASUKI PERKHIDMATAN**

**PENOLONG PEGAWAI ARKIB
GRED S27**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI ARKIB GRED S27

ARAHAN KEPADA CALON

1. Pada hari peperiksaan calon perlu membawa:
 - a. Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan
 - b. Kad Pengenalan
 - c. Alat tulis; pensel 2B, pen, pembaris, pemadam dan peralatan lain yang difikirkan perlu.
2. Calon mesti berada di pusat peperiksaan **tiga puluh (30) minit** sebelum Peperiksaan dimulakan.
3. Calon mesti mematuhi arahan Ketua Pengawas.
4. Calon dilarang berkomunikasi sesama sendiri. Angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
5. Calon hanya boleh meninggalkan Pusat Peperiksaan tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan dimulakan.
6. Calon mesti kenal pasti pusat peperiksaan sehari sebelum hari peperiksaan.
7. Calon mesti berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata.
8. Calon hanya dibenarkan meninggalkan pusat peperiksaan apabila diarah oleh Ketua Pengawas.

PANDUAN UMUM KEPADA CALON

Peperiksaan ini terdiri daripada:

BAHAGIAN I - KECENDERUNGAN

Seksyen A - Pengetahuan Am

Seksyen B - Daya Menyelesaikan Masalah

Seksyen A – Pengetahuan Am

Dalam seksyen ini, calon dikehendaki mengetahui secara umum berkenaan hal-hal yang berkaitan dengan fungsi dan peranan Arkib Negara Malaysia, pentadbiran arkib, pengurusan rekod, sejarah Malaysia, sejarah pentadbiran negara, pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi, perundangan dalam pengurusan rekod dan maklumat, pengurusan acara, bidang sosial-budaya dan lain-lain perkembangan semasa.

Item yang disediakan mempunyai cakupan yang luas. Item akan ditarafkan kepada pengetahuan am yang sepatutnya diketahui oleh rakyat Malaysia. Calon yang peka dengan perkembangan negara melalui suratkhbar, majalah dan buku-buku akan menjawab soalan yang dikemukakan.

Masa : 40 minit
Bilangan Soalan : 50 soalan
Markah : 50 markah

CONTOH SOALAN :

1. Siapakah Ketua Jabatan Arkib yang pertama?

- A Dato. Sidek Jamil
- B Mubin Sheppard
- C Encik Saad Marzuki
- D Datuk Zakiah Hanum Abdul Hamid

Jawapan : B

2. Bentuk sesebuah pameran yang berkesan adalah

- A pameran statik.
- B pameran bergerak.
- C pameran berpandu.
- D pameran interaktif.

Jawapan : D

Seksyen B – Daya Menyelesaikan Masalah

Dalam seksyen ini calon-calon dikehendaki menyelesaikan masalah-masalah dengan menggunakan pendekatan seperti berikut:

- (i) Kemahiran Logik
- (ii) Kemahiran Menginterpretasikan Data
- (iii) Konsep Matematik

(i) Kemahiran Logik

Dalam seksyen ini calon dikehendaki menggunakan kemahiran logik untuk memilih jawapan yang tepat atau mengenal pasti jawapan yang salah.

(ii) Kemahiran Menginterpretasikan Data

Beberapa masalah akan dikemukakan menggunakan pelbagai perangkaan dan calon dikehendaki menganalisa data-data tersebut untuk menyelesaikannya. Bagi memudahkan calon menjawab, penggunaan graf, jadual dan sebagainya digalakkan.

(iii) Konsep Matematik

Konsep Matematik dan akaun yang digunakan termasuklah kemahiran *numeric* serta kuantitatif untuk mengukur kemahiran asas Matematik dan Akaun, pemahaman konsep dan kebolehan untuk berfikir secara kuantitatif yang sesuai dengan tugas sebagai Pegawai Arkib. Asas-asas Matematik dan Akaun yang digunakan adalah tidak melebihi sukatan pelajaran tingkatan 5 (Sijil Pelajaran Malaysia). Oleh yang demikian, adalah dianggap tahap kesukaran sesuai untuk semua calon kerana telah melalui tingkatan 5.

Masa : 45 minit
Bilangan Soalan : 40 soalan
Markah : 50 markah

CONTOH SOALAN :

- 1 Jadual di bawah menunjukkan jualan empat orang peniaga pasar malam.

Peniaga	Jualan (RM)
Hashim	1,450
Saleh	1,200
Daud	1,600
Zamani	?

Jika purata jualan empat orang peniaga ialah RM1,600, berapakah jualan Zamani?

- A RM6,400
- B RM4,250
- C RM2,650
- D RM2,150

Jawapan : D

2 Rajah di atas menunjukkan satu nombor perpuluhan. Berapakah hasil tambah digit 3 dan 7 dalam nombor di atas?

A 300.7

B 30.7

C 3.07

D 3.7

Jawapan : C

BAHAGIAN II - PSIKOLOGI

Penaksiran Personaliti

Masa - 45 minit

Bilangan soalan - 185 soalan